

20/08/2002

Petronas dapat empat kontrak PSC di Myanmar

Rejal Arbee

PETRONAS, perbadanan minyak dan gas negara berjaya mendapat kontrak mencari gali minyak di empat blok kawasan Tanintharyi di luar pesisir selatan Myanmar seluas lebih 55,000 km persegi.

Usaha cari gali itu akan dilakukan oleh Petronas Carigali Myanmar II Inc (PCM II), sebuah syarikat milik penuh Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB).

Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) itu ditandatangani oleh Presiden Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Timbalan Menteri Tenaga Myanmar, U Tin Tun bagi pihak Myanma Oil and Gas Enterprise (MOGE) sempena Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia yang dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Sedona di Yangon, semalam.

Perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri dan Setiausaha 1 Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC), Lt-Jen Khin Nyut.

Perjanjian itu memberi hak kepada MOGE melabur sehingga 20 peratus ekuiti syarikat itu apabila usaha cari gali itu dikenal pasti boleh dimajukan untuk komersial hingga dapat mengeluarkan hasil.

Salah satu blok itu bersempadan dengan blok M-14 yang mengandungi takungan gas Yetagun di mana Petronas mempunyai ekuiti sejumlah 30 peratus dengan lain-lain rakan kongsi termasuk Petroleum Authority of Thailand (14.17 peratus), MOGE (15 peratus), Nippon Oil (14.17 peratus) dan Premier Petroleum Myanmar Ltd (27.67 peratus).

Premier Petroleum yang mengendalikan projek di Yetagun dimiliki sepenuhnya oleh Premier Oil Company, sebuah syarikat bersekutu Petronas.

Gas pertama dari takungan Yetagun dihantar pada Mei 2000 kepada Petroleum Authority of Thailand melalui saluran gas yang merentasi sempadan Myanmar-Thai.

Takungan Yetagun kini mengeluarkan 200 juta kaki padu standard gas sehari.

Petronas juga dilaporkan berminat mendirikan sebuah loji mengeluarkan lebihan butane dan propane dari gas asli itu di Kanpauk, kira-kira 450 km ke tenggara Yangon.

Petronas telah giat melabur di Myanmar sejak 1998 lagi dengan mengadakan beberapa kontrak membekalkan minyak mentah serta produk minyak.

Dua lagi perjanjian juga ditandatangani; Pelan Pembangunan Strategik dan Pelan Bertindak untuk Yangon antara Jawatankuasa Pembangunan Bandaraya Yangon dan Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) bersama Institut Sultan Iskandar (ISI) dan Perjanjian Perkhidmatan Telekomunikasi Antarabangsa di antara Maxis International Sdn Bhd dan Pos dan Telekomunikasi Myanmar.

Kajian awal untuk merangka Pelan Pembangunan untuk Yangon telah pun berlangsung dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun. Kajian itu diharapkan akan melahirkan suatu pelan induk termasuk pembangunan prasarana untuk Yangon.